

## Sisipan jadi saluran interaksi IPT, masyarakat

**S**HAH ALAM: Kewujudan sisipan *Varsiti* terbitan akhbar ini boleh menjadi saluran baru institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta di negara ini untuk berinteraksi dengan masyarakat.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata sisipan itu menjadi wadah bagi menghebahkan senario, inovasi dan pencapaian semasa sektor pendidikan tinggi untuk diketahui dan dinilai masyarakat.

Beliau berkata, *varsiti* juga berupaya memperluas perspektif pelajar mengenai era baru sektor pengajian tinggi yang kini lebih menumpu kepada aspek inovasi dan kreativiti.

"Penerbitan *Varsiti* tepat pada masanya bagi memaklumkan kepada umum apa yang berlaku di universiti dan secara tidak langsung menjadi saluran baru bagi IPT mendekati masyarakat," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UMS), Prof Dr Khairuddin Ab Hamid, berkata pengisian *Varsiti* yang menyeluruh dan menarik berupaya menarik minat pelajar IPT untuk memanafaatkannya.

Beliau berkata, berbanding sisipan yang terlalu sarat dengan bahan bacaan berat, *Varsiti* dilihat memuatkan bahan bacaan berciri santai seperti personaliti dan gajet.

Sementara itu, kebanyakan pelajar IPT yang hadir pada majlis pelancaran *Varsiti* gembira dan berpuas hati dengan usaha *Berita Harian* menerbitkan sisipan itu kerana membuka peluang mereka berkongsi pengalaman sepanjang bergelar mahasiswa.

Pelajar Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Malik Syam Mohd Latif berkata, usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjalinkan kerjasama dengan *Berita Harian* menerbitkan sisipan *Varsiti* itu perlu dipuji.

"Kewujudan *Varsiti* dapat membantu perkembangan pelajar IPT dan menjadi landasan kepada mereka menyuarakan pendapat. Selain itu, ruangan disediakan dalam sisipan ini juga boleh membantu pelajar mendedahkan kepada masyarakat kegiatan mereka selain menimba ilmu," katanya.